

**JUARA KESELURUHAN: Kontinjen UiTM Shah Alam meraikan kejayaan mereka.**

# UiTM Shah Alam juara Karisma

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, muncul juara keseluruhan Karnival Sukan Mahasiswa (Karisma) UiTM 26 selepas mengalahkan 13 kontinjen UiTM di seluruh negara di Laman Perdana UiTM Pulau Pinang, Seberang Prai Tengah, kelmarin.

Kontinjen itu memungut 15 pingat emas, tujuh perak dan tiga gangsa, manakala UiTM Perlis di tempat kedua dengan lima emas, tujuh perak dan dua gangsa.

Tempat ketiga UiTM Kedah dengan satu emas, satu perak dan dua gangsa.

Semua hadiah disampaikan Pengarah UiTM Pulau Pinang, Prof Dr Mohammad Nor Berhan.

Lebih 2,480 atlit mengambil bahagian dalam Karisma ke-14 selama enam hari bermula 28 November bertemakan *'Atlit cergas, mahasiswa perkasa'.*

UiTM Shah Alam memungut emas menerusi antaranya acara bola baling wanita, bola jaring (wanita), badminton, memanah (wanita), Taekwondo (lelaki), taekwondo (wanita) dan hoki (lelaki), tenis (lelaki), ping pong, sepak takraw regu, sepak takraw berpasukan, bola tampar (lelaki) dan Ragbi (lelaki).

UiTM Pahang diumumkan menjadi tuan rumah Karisma ke-15 pada tahun depan.